



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

**1 Mac 2023, KUALA LUMPUR** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI di Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur. Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam usaha memperkasa agenda perpaduan negara dan integrasi nasional di bawah **Ikhtiar 11: Menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat**.

2. Program *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini telah diperkenalkan dengan matlamat menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), *Civil Society Organisation* (CSO) dan masyarakat secara keseluruhannya.
3. Tiga (3) kluster utama yang digariskan di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI adalah seperti:
  - i. **Program Semarak Kenegaraan**  
Program yang memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui usaha memasyarakangkan Rukun Negara. Ia dirangka bagi memupuk semangat jati diri dan cintakan negara.
  - ii. **Program Semarak Perpaduan**  
Program yang bertemakan “Merakyatkan Perpaduan” adalah bertujuan untuk meraikan perbezaan dalam kepelbagaian melalui elemen seperti kebudayaan, pendidikan dan rekreasi.

### **iii. Program Komuniti RAHMAH**

Program yang memberi fokus kepada pembinaan komuniti yang sejahtera dan harmoni meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.

4. Menurut YB Menteri, Kementerian akan menggerakkan keseluruhan agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) dan Yayasan Tun Razak (YTR) untuk menerajui pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dirancang.
5. Penglibatan jentera perpaduan khususnya KRT, Skim Rondaan Sukarela, Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan dan NGO Rakan Perpaduan (Friends of Unity) akan diperkasakan bagi menyokong pelaksanaan setiap program dan aktiviti berkaitan. Kolaborasi strategik ini juga akan digerakkan melibatkan agensi swasta serta NGO.
6. Dalam masa yang sama, pelaksanaan program di bawah *Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI* akan menggunakan *whole of government approach* iaitu kerjasama antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio organisasi dengan berkongsi tindakan untuk mencapai matlamat pembangunan Malaysia MADANI.
7. “Progam Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan membawa impak yang besar kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai pengisian program yang dapat memperkuuh jalinan muhibbah dan ikatan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia. Saya juga menyeru agar seluruh rakyat dapat terus menghayati konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing,” jelas Datuk Aaron lanjut.

**Kementerian Perpaduan Negara**

1 Mac 2023

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (5)

## **SENARAI PROGRAM KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI MENGIKUT KLUSTER**

(a) Semarak Kenegaraan

- Program Citra Nusa: Malaysia Tanah Airku
- Dialog Anak Muda
- Persembahan Apresiasi Rukun Negara
- Pameran Mini Rukun Negara
- *Cross Cultural Session*
- Pertandingan Video Pendek : Cerita Malaysia Kita
- Kisah Kejayaan Malaysia Kita
- Pameran Fotografi Wajah Malaysia Kita
- Kapsul Suara Anak Malaysia

(b) Semarak Perpaduan

- Segmen Detik Perpaduan
  - i. Ini Warisan Kita
  - ii. Rumah KAMI
  - iii. Galeri Uniti Malaysia
  - iv. Citarasa Menu KAMI
  - v. Kenduri Kendara
- Segmen Pendidikan Perpaduan
  - i. Cendikiawan Cilik
  - ii. Sembang Uniti
  - iii. LEGO Uniti
  - iv. Puzzle Uniti
- Segmen Rekreasi Malaysia MADANI
  - i. Sukan Uniti
  - ii. Sukan Rakyat Malaysia MADANI
  - iii. Unity Walk / Run / Ride
  - iv. Senam Harmoni

(c) Program Komuniti RAHMAH

- Bakul RAHMAH
- Ziarah RAHMAH Perpaduan
- Gerobok Komuniti RAHMAH
- Team Sukarelawan Muda
- Projek Ekonomi Komuniti KRT
- Program TUNAS
- Mini Library